

SKIMA PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN EKONOMI MIKRO 944/1
2012

BAHAGIAN A

NOMBOR SOALAN	JAWAPAN	NOMBOR SOALAN	JAWAPAN
1	D	16	A
2	C	17	D
3	C	18	B
4	B	19	C
5	D	20	C
6	B	21	A
7	D	22	D
8	A	23	C
9	B	24	B
10	B	25	A
11	A	26	B
12	C	27	A
13	A	28	B
14	B	29	A
15	A	30	C

BAHAGIAN B

1 Jelaskan perbezaan antara barang percuma dengan barang ekonomi. [6m]

Skima:

- Penawaran barang percuma tidak terhad, barang ekonomi terhad
- Barang percuma tiada kos lepas, barang ekonomi ada kos lepas
- Barang percuma tiada harga, barang ekonomi ada harga
- Contoh barang percuma air hujan, barang ekonomi air sirap


(Catatan: Mana-mana 3/ Mesti ada perbezaan setiap fakta/ 2m setiap satu, Tiada perbezaan 0m)

2 Dengan menggunakan rajah yang sesuai, terangkan kesan terhadap permintaan daging lembu tempatan apabila;

- harga daging lembu yang diimport lebih mahal. [3m]
- harga daging lembu tempatan meningkat. [3m]


Skima:

(a)



- Daging lembu Import adalah barang pengganti bagi daging lembu tempatan.
- Apabila harga daging import lebih mahal menyebabkan keluk permintaan daging lembu tempatan bergerak ke kanan dari D_0D_0 ke D_1D_1 .
- Harga kekal pada $0P_0$ dan kuantiti meningkat dari $0Q_0$ ke $0Q_1$. [2m]

(b)



- Titik asal ialah A, harga pada $0P_0$ dan kuantiti adalah pada $0Q_0$.
- Apabila harga daging tempatan meningkat dari $0P_0$ ke $0P_1$ kuantiti permintaan berkurangan dari $0Q_0$ ke $0Q_1$. [2 m]

3 Huraikan tiga faktor yang menyebabkan keanjalan permintaan harga sesuatu barang tidak anjal. [6m]

Skema:

i. Bilangan barang pengganti

- sedikit keanjalan permintaan harga menjadi tidak anjal

ii. Bilangan kegunaan

- sedikit keanjalan permintaan harga menjadi tidak anjal

iii. Bahagian pendapatan yang dibelanjakan

- kecil, keanjalan permintaan harga menjadi tidak anjal

iv. Ketahanan

- tidak tahan lama, keanjalan permintaan harga menjadi tidak anjal

v. Jangka masa

- dalam jangka masa pendek, keanjalan permintaan harga menjadi tidak anjal


vi. Harga barang lain

- permintaan keatas sesuatu barang dipengaruhi oleh harga barang lain, keanjalan permintaan harga menjadi tidak anjal

4 (a) Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan mengenai lebih pengguna dan bagaimana ianya dihitung. [4]

(b) Pada gambar rajah yang sama, tunjukkan kesan pemberian subsidi oleh kerajaan kepada pengeluar ke atas lebih pengguna. [2]

Skema:



Rajah (1 markah)

Lebih pengguna ialah perbezaan di antara harga yang sanggup dibayar oleh pengguna dengan harga yang sebenarnya dibayar. (1 markah)

Lebih pengguna dihitung dengan menggunakan rumus:

$$\text{Lebih pengguna} = \frac{1}{2} \times \text{Tapak} \times \text{Tinggi} \quad (1 \text{ markah})$$

$$= \frac{1}{2} \times OQ_0 \times (P_1 - P_0)$$

$$= P_0P_1E_0 \quad (1 \text{ markah})$$

(b) Rajah (1 markah)

Subsidi menyebabkan lebih pengguna menjadi lebih besar iaitu dari $P_0P_1E_0$ ke $P_2P_1E_1$ (1 markah)

5 Dengan memberikan contoh yang sesuai, jelaskan maksud kos eksplisit dan kos implisit. [6m]

Skima:

Kos eksplisit – perbelanjaan sebenar firma terhadap faktor-faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran. Contoh kos eksplisit ialah upah, bunga pinjaman, bil elektrik dsb.

Kos implisit – bayaran atas penggunaan faktor yang dimiliki oleh pengusaha sendiri atau nilai alternatif yang dilepaskan dalam proses pengeluaran. Contoh kos implisit ialah sewa bangunan milik pengusaha sendiri jika disewakan kepada pihak lain untuk kegunaan lain.

(Catatan: Terima contoh contoh lain yang sesuai/ Huraian 2m/ Contoh 1m)

6 Terangkan tiga cara firma dalam pasaran persaingan bermonopoli membezakan keluarannya [6m]

Skima:

1. Rekabentuk barangan – bungkusan yang menarik (2)
2. Promosi jualan – sampel percuma (2)
3. Pengiklanan – bertujuan membujuk/menyampaikan maklumat barangan kepada pengguna (2)
4. Perkhidmatan selepas jualan – penghantaran percuma (2)

(mana – mana 3 isi dan huraian x 2 markah = 6 markah)

7 Bincangkan tiga tujuan penubuhan kesatuan sekerja. [6m]

Skima:

- i. Menuntut kenaikan upah
 - berunding dengan majikan untuk menaikkan upah
- ii. Membaiki keadaan tempat kerja
 - menuntut majikan menyediakan tempat kerja yang lebih baik dan selesa
- iii. Berunding dengan kerajaan
 - untuk menggubal polisi yang berkaitan dengan pekerjaan

- 8 (a) Jelaskan maksud memiliknegarakan syarikat. [2m]
 (b) Huraikan 2 sebab kerajaan memiliknegarakan syarikat-syarikat tertentu. [4m]

Skima:

(a) Kerajaan menguasai syarikat tersebut dan secara langsung melaksanakan pengeluaran barangan. Contoh monopoli semulajadi. [2 m]

(b) Sebab-sebab campur tangan.


1. Menjamin kemudahan asas untuk mengawal penawaran dan tingkat harga barangan tersebut.
2. Industri penting dari segi ekonomi seperti perkhidmatan udara bagi member faedah dan kebajikan kepada masyarakat. [4 m]

BAHAGIAN C

- 9 Terangkan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan getah asli apabila
 (a) pekerja menuntut kenaikan upah. [5]
 (b) harga getah tiruan turun. [5]


Skima:

(a)



- Keluk permintaan asal ialah DD dan keluk penawaran asal ialah SS.
- Apabila upah meningkat menyebabkan keluk penawaran bergerak ke kiri dari SoSo ke S1S1. [1m]
- Harga meningkat dari 0Po ke 0P1. Kuantiti berkurangan dari 0Qo ke 0Q1. [2 m]

(b)




(Rajah 2 markah)

- Keluk permintaan asal ialah D_0 dan keluk penawaran asal ialah S_0 .
- Getah tiruan ialah barang pengganti bagi getah asli.
- Apabila harga getah tiruan turun, menyebabkan permintaan untuk getah asli berkurangan.
- Keluk permintaan bergerak dari D_0 ke D_1 .
- Harga turun dari P_0 ke P_1 dan kuantiti meningkat dari Q_0 ke Q_1 . [3 m]

10 Dengan menggunakan gambar rajah, tunjukkan bagaimana ekonomi bidangan dalaman dan disekonomi bidangan dalaman mempengaruhi bentuk keluk kos purata jangka panjang.

[10m]

Skema:



- Keluk LAC semakin menurun dari output 0 ke Q, iaitu peningkatan output akan mengurangkan kos purata disebabkan oleh ekonomi bidangan dalaman
- Selepas LAC mencapai titik minimum di output Q, keluk LAC mencerun naik akibat disekonomi bidangan dalaman
- Contoh ekonomi bidangan dalaman: Ekonomi Pengurusan
- Contoh disekonomi bidangan dalaman: Disekonomi pemasaran

(Catatan: Rajah 2m/ Huraian 3m setiap fakta/Contoh 2m)

11 Huraikan perbezaan antara firma pasaran persaingan sempurna dengan firma pasaran persaingan bermonopoli pada keseimbangan jangka panjang [10m]

Skema:


1. Harga keseimbangan firma PPS lebih rendah berbanding harga keseimbangan firma bermonopololi. (2)
2. Kuantiti keseimbangan firma PPS lebih banyak berbanding kuantiti keseimbangan firma bermonopololi (2)
3. Firma PPS mencapai kecekapan pengeluaran kerana pada output keseimbangan $P=AC$ minimum tetapi firma bermonopololi tidak capai kerana $P>AC$ minimum (2)
4. Firma PPS mencapai kecekapan pengeluaran kerana pada output keseimbangan $P=AC$ minimum tetapi firma bermonopololi tidak capai kerana $P>AC$ minimum (2)

5. Firma PPS mencapai kecekapan peruntukkan kerana pada output keseimbangan $P=MC$ tetapi firma bermonopoli tidak capai kerana $P>MC$ (2)
6. Lebihan pengguna firma PPS lebih besar daripada lebihan pengguna firma bermonopoli (2)
7. Firma PPS mengeluarkan output pada kapasiti penuh tetapi firma bermonopoli wujud lebihan kapasiti (2)

(maksimum mana-mana 5 isi serta huraian x 2 markah = 10 markah)

- 12 Terangkan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan sesuatu barang apabila;
- (a) kerajaan meningkatkan cukai jualan ke atas setiap unit barangan. [5]
 - (b) kerajaan mengenakan kawalan harga maksimum. [5]


(a)



Rajah 2 m

- Apabila kerajaan meningkatkan cukai menyebabkan kos pengeluaran meningkat.
- Pengeluar mengurangkan penawaran. Keluk penawaran bergerak ke kiri dari S_0 ke S_1 . Harga meningkat dari $0P_0$ ke $0P_1$ dan kuantiti berkurangan dari $0Q_0$ ke $0Q_1$. [3 m]

(b)



Rajah 2 m

- Keluk permintaan asal ialah DD dan keluk penawaran asal ialah SS.
- Dasar harga maksimum ialah pada $0P1$.
- Kuantiti permintaan ialah pada $0Q2$ dan kuantiti penawaran ialah pada $0Q1$.
- Wujud lebihan permintaan sebanyak $Q1Q2$ atau AB. [3 m]

BAHAGIAN D

13 Persamaan permintaan dan penawaran bagi kasut adalah seperti berikut;

$$Q_d = 10 - 2P$$


$$Q_s = -2 + 4P$$

Di mana Q_d ialah kuantiti permintaan dan Q_s ialah kuantiti penawaran dan P ialah tingkat harga.

- (a) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk permintaan dan penawaran. [3]
- (b) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan? [2]
- (c) Jika fungsi penawaran berubah menjadi $Q_s = -2 + 2P$, berapakah harga dan kuantiti yang baru. [2]
- (d) Lukiskan keluk penawaran yang baru di atas graf yang asal. [1]
- (e) Nyatakan 2 faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran ke kanan. [2]

Skema:

13. (a)



- (b) Harga RM 2.00 dan Kuantiti 6 unit. [2 m]
- (c) Harga RM3.00 dan kuantiti 4 unit [2 m]
- (d) lihat rajah [1 m]
- (e) i. Kerajaan mengurangkan cukai. [1 m]
- ii. Kos pengeluaran firma berkurangan. [1 m]

14 Persamaan kos pengeluaran sebuah firma diberi seperti berikut:

$$TC = 90 + 25Q \text{ di mana;}$$

TC = Jumlah kos (RM)

Q = Kuantiti output (kg)

- (a) Berapakah nilai kos tetap? [1]
- (b) Hitung kos berubah dan jumlah kos yang terlibat dalam proses pengeluaran bagi output 1 hingga output 8 kg. [2]
- (c) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk-keluk jumlah kos tetap, jumlah kos berubah dan jumlah kos. [4]
- (d) Berdasarkan graf, nyatakan kuantiti output firma ketika kos tetap sama dengan kos berubah. [1]
- (e) Tentukan nilai kos berubah purata dan kos tetap purata berdasarkan output dalam (c) di atas. [2]

Skema:

- (a) Kos Tetap RM90.00 (*Tiada RM, 0m*) 1m


(b)

Q (kg)	Kos Berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
1	25	115
2	50	140
3	75	165
4	100	190
5	125	215
6	150	240
7	175	265
8	200	290

1m

1m

(c)



Rajah -----3m (RAJAH mesti dilukis di atas KERTAS GRAF :1m setiap keluk ; mesti label dengan lengkap.Paksi 1m)

(d) 3.6 kg -----1m

(e) Kos berubah purata = $25 (3.6) / 3.6 = \text{RM}25$ -----1m
 Kos tetap purata = $90 / 3.6 = \text{RM} 25$ -----1m

15 Jadual di bawah menunjukkan data permintaan dan jumlah kos sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.

Kuantiti barang X (unit)	Jumlah kos (RM)
1	120
2	180
3	220
4	280
5	360
6	480

- (a) Jika harga barang X ialah RM80.00 perunit, hitung hasil sut dan kos sut firma ini. [4]
 (b) Lukis keluk kos sut dan hasil sut firma ini. [3]
 (c) Berapakah kuantiti barang X yang memaksimumkan untung firma ini? [2]
 (d) Dalam jangka panjang berapakah harga barang X pada keseimbangan? [1]


Skema:

(a)

Kuantiti barang X (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos sut (RM)	Hasil sut (RM)
1	120	-	-
2	180	60	80
3	220	40	80
4	280	60	80
5	360	80	80
6	480	120	80

(2 markah) (2 markah)

(b) gambar rajah (3)




Paksi 1m/ Keluk MC 1m/ MR 1m
(CATATAN: Rajah perlu dilukis atas kertas graf)

(c) $MC = MR = RM80$ (1) , Kuantiti barang X ialah 5 unit (1)

(d) Harga barang X = AC minimum = RM70.00 (1)

b. Rujuk graf



CATATAN: Rajah perlu dilukis dalam kertas graf. Paksi 1m/ Keluk 2m

c. 4.7 unit

d. Firma mengurangkan sebanyak 0.2 unit buruh bilangan buruh yang digunakan 4.5 unit

e. RM 34